

**APLIKASI PRINSIP PENYESUAIGUNAAN TERHADAP ELEMEN SENI BINA  
HOTEL WARISAN DI TAPAK WARISAN DUNIA MELAKA DAN GEORGE  
TOWN**

oleh

**LILAWATI BINTI AB WAHAB**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**FEBRUARI 2013**

## **APLIKASI PRINSIP PENYESUAIGUNAAN TERHADAP ELEMEN SENI BINA HOTEL WARISAN DI TAPAK WARISAN DUNIA MELAKA DAN GEORGE TOWN**

### **ABSTRAK**

Penyesuaigunaan bangunan bersejarah adalah proses mengubah fungsi asal bangunan bersejarah ke satu fungsi lain yang dirasakan dapat mengoptimakan penggunaan bangunan bersejarah sedia ada. Pemilihan fungsi baru yang sesuai merupakan faktor penting di dalam menentukan kejayaan sebuah bangunan bersejarah yang disuaiguna. Kerja penyesuaigunaan bangunan bersejarah di Tapak Warisan Dunia bukanlah satu tugas yang mudah kerana terdapat peraturan-peraturan dan prinsip pemuliharaan yang telah digariskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan piagam antarabangsa yang perlu dipatuhi. Penyelidikan ini telah dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar aplikasi prinsip penyesuaigunaan yang telah dijalankan ke atas bangunan bersejarah sebagai hotel di Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town. Penyelidikan ini telah dijalankan secara berperingkat bermula dengan kajian awalan, yang mana pada peringkat ini penyelidik telah melakukan soal selidik bagi mendapatkan hala tuju penyelidikan yang lebih tepat. Kajian diteruskan dengan kajian rintis, yang mana telah membawa kepada penemuan 35 buah hotel hasil aplikasi prinsip penyesuaigunaan bangunan bersejarah. Empat buah hotel warisan hasil aplikasi prinsip penyesuaigunaan bangunan bersejarah telah dipilih sebagai kajian kes. Hasil daripada kajian kes yang dijalankan mendapati bahawa tahap aplikasi prinsip penyesuaigunaan yang dilakukan di kedua Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town adalah amat sederhana dan usaha perlu diambil bagi memastikan hotel warisan tidak hilang keistimewaannya. Beberapa cadangan telah diutarakan bagi memastikan kerja penyesuaigunaan yang akan dilakukan pada masa hadapan dilakukan sebaik mungkin mengikut prinsip penyesuaigunaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah.

## **APPLICATION OF ADAPTIVE RE-USE PRINCIPLES IN THE ARCHITECTURAL ELEMENTS OF HERITAGE HOTEL BUILDINGS IN MELAKA AND GEORGE TOWN WORLD HERITAGE SITES**

### **ABSTRACT**

Adaptive re-use of historic buildings is a process of changing the original function of the historic buildings to another function that can optimize the use of existing historic buildings. The selection of appropriate new function is an important factor in determining the success of adaptive re-use of historic buildings. However, adaptive re-use work done on historic buildings on the World Heritage Site is not an easy task due to rules and principles outlined by local and international charters that must be abide by. This research is conducted to gather the true picture of applied adaptive re-use principles that has been done on the heritage hotels available in Melaka and George Town World Heritage Sites. This research has been carried out in stages beginning with the initial study, in which the researcher prepares questionnaires to direct on a more accurate research. This is followed by a pilot study that led to the discovery of 35 hotels which applied the principle of historic buildings. Based on this finding, 4 heritage hotels from adaptive re-use applications have been selected as the case study. Results of a case study carried out shows that the level of conservation of heritage hotel is moderate and measures of control should be taken to ensure the privileges of heritage hotel. As a result of this research, a number of suggestions are made to ensure that adaptive re-use work done in the future will be done as far as possible according to the adaptive re-use and conservation principles.

